

Langkah-langkah Mengatasi Vandalisme

Perbuatan vandalisme di kalangan remaja kerap menjadi bahan perbincangan dalam media massa dan masyarakat. Hal ini kerana perbuatan vandalisme ini didapati semakin meningkat dari sehari ke sehari. Pada pandangan saya, isu vandalisme ini perlu diatasi dengan segera sebelum bertambah parah. Vandalisme yang berlaku menyebabkan orang awam menghadapi (1) _____ dan pihak kerajaan terpaksa menanggung (2) _____. Terdapat beberapa langkah yang wajar dilakukan oleh pihak tertentu dalam menangani masalah vandalisme.

Perbuatan vandalisme di kalangan remaja boleh diatasi dengan tindakan yang diambil oleh ibu bapa. Kita sedia maklum bahawa masa anak-anak banyak dihabiskan ketika bersama keluarga. Dalam pergaulan seharian, ibu bapa mesti menasihati anak-anak mereka agar mengamalkan (3) _____ dalam kehidupan. Antara nilai murni tersebut ialah (4) _____ dan (5) _____ kemudahan awam yang dibina oleh kerajaan. Ibu bapa perlu juga mendorong anak-anak untuk membuat (6) _____ kepada pihak berkuasa sekiranya ternampak pihak yang melakukan vandalisme.

Masyarakat juga boleh memainkan peranan penting dalam menangani masalah ini. Sikap masyarakat memang dapat mempengaruhi pelakuan ahli dalam masyarakat tersebut. Oleh itu, sewajarnya ahli masyarakat yang lebih dewasa menunjukkan (7) _____ yang baik ketika menggunakan kemudahan awam.

Masyarakat juga harus menegur jika ada di kalangan generasi muda yang cuba melakukan vandalisme. Namun demikian, teguran ini hendaklah dilakukan secara berhemah agar tidak mendatangkan perselisihan faham dan (8) _____.

Di samping itu, media massa juga boleh memainkan peranan penting dalam mengatasi masalah vandalisme. Hal ini kerana, media massa memang mudah mempengaruhi masyarakat dalam melakukan sesuatu perkara. Media massa juga boleh membantu pihak-pihak yang ingin mengadakan (9) _____ menangani vandalisme. Dalam pada itu, media massa boleh memberi (10) _____ kepada remaja tentang masalah yang bakal dihadapi oleh masyarakat jika kemudahan awam dirosakkan. Program memberi kesedaran melalui media massa sewajarnya dipelbagaikan supaya ingatan dan kesedaran tentang keburukan vandalisme ini berpanjangan.

Kementerian Pelajaran juga boleh memainkan peranan dalam menangani masalah vandalisme ini. Contohnya, Kementerian Pelajaran boleh melaksanakan (11) _____ yang dapat memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar agar menjauhi perbuatan vandalisme. Kementerian Pelajaran juga boleh memasukkan elemen membenci vandalisme dalam (12) _____ sekolah. Selain itu, guru-guru pula mestilah menasihati pelajar-pelajar supaya tidak melakukan vandalisme semasa perhimpunan rasmi sekolah.

Pihak kerajaan juga berupaya untuk mengatasi perbuatan vandalisme di kalangan remaja. Sebagai pihak yang paling berautoriti dalam negara, pihak kerajaan boleh menggubal (13) _____ bagi menangani permasalahan vandalisme ini. Pihak

kerajaan juga boleh menambah bilangan kakitangan penguatkuasa untuk membuat pemantauan dan menangkap pihak yang melakukan vandalisme. Tempat-tempat yang memerlukan pegawai penguatkuasa ialah di tempat-tempat awam yang selalu dirosakkan. Pihak kerajaan juga mesti menghukum pihak yang melakukan vandalisme supaya orang lain juga mendapat (14) _____.

Daripada perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa banyak pihak perlu memainkan peranan dalam menangani vandalisme di kalangan remaja. Pada pendapat saya tidak wajar kita mengharapkan pihak kerajaan sahaja untuk menangani isu ini. Jika perlu, kempen jauhi vandalisme di peringkat kebangsaan perlu diadakan pada setiap tahun. Selain itu, golongan remaja mesti sedar tentang (15) _____ mereka terhadap negara. Saya yakin bahawa masalah vandalisme ini dapat diatasi jika semua pihak dapat bertindak sebagai satu pasukan.

kempen 活动 kesedaran 意识 program-program 项目 kurikulum 课程 undang-undang 法律 pengajaran 教训 tanggungjawab 责任	masalah 问题 kerugian 损失 nilai murni 道德价值 sikap bertanggungjawab 负责任的态度 menghargai 珍惜 laporan 报告 contoh teladan 榜样 pergaduhan 打架
--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------